Hari: **Isnin** Tarikh: **21 Februari 2022**

Bahasa Melayu HBL 2.1: **Karangan**

Tema: INSTITUSI PENDIDIKAN

Topik: **Perpustakaan**

LATIHAN 1

Baca karangan ini kemudian **lengkapkannya** dengan pilihan perkataan atau rangkai kata yang paling sesuai dalam kotak di bawah ini.

memainkan peranan penting kepada semua orang	perpustakaan terdapat pelbagai jenis buku	meminjam buku dari perpustakaan
tentang teknik penanaman pokok buah-buahan	buku yang kita pinjam itu perlu dipulangkan	meminjam buku mengikut kepentingan masing-masing
memperoleh maklumat dan tempat untuk mengulang kaji pelajaran	bahan pembelajaran dan pelajar dapat belajar dengan tenang	mungkin sedikit sebanyak menyebabkan jumlah pengunjung
lokasi yang strategik	sebagai pusat pengembangan ilmu	memanfaatkan kelebihan
memikirkan aktiviti yang lebih khusus	sesebuah perpustakaan akan lebih terfokus	memenuhi permintaan pengguna bagi setiap golongan
diambil alih oleh internet pula	menarik anggota masyarakat kembali	mengambil langkah yang berkesan

Perpustakaan sememangnya 1_____. Tidak kira sama ada kanak-kanak, remaja atau orang dewasa perlu ke perpustakaan. Hal ini kerana di 2_____. Di perpustakaan ada bahan rujukan, buku ilmiah, buku sains dan teknologi, buku cerita, dan lain-lain lagi. Kita juga boleh 3_____. Bagaimanapun apabila sudah cukup tempoh, 4_____.

Dengan wujudnya perpustakaan tersebut, kita boleh 5_____. Bagi golongan pelajar, perpustakaan boleh dijadikan tempat 6_____. Hal ini demikian kerana di perpustakaan terdapat banyak 7_____.

LIVEWORKSHEETS

Bangsa yang ingin maju pula perlu menjadikan perpustakaan 8_____. Semua golongan perlu 9_____ yang ada di perpustakaan. Contohnya, golongan petani boleh mendapatkan bahan bacaan 10_____. Oleh itu, pihak perpustakaan perlu 11_____ mengikut kepentingan golongan yang tertentu.

Pihak kerajaan pula perlu membina perpustakaan di 12_____ sesuai dengan kepentingan sesebuah masyarakat itu. Dengan wujudnya perpustakaan mengikut kepentingan golongan yang tertentu itu, maka kemudahan 13_____ kepada bidang yang tertentu. Setiap perpustakaan ini pula akan lebih bebas untuk 14_____ kepada pengunjungnya.

Namun begitu, internet yang sejak akhir-akhir ini semakin meluas penggunaannya 15_____ ke perpustakaan berkurangan. Kepentingan untuk membaca di perpustakaan telah 16_____.

Oleh itu, pihak perpustakaan perlu 17_____ dan mengadakan pelbagai aktiviti untuk 18_____ ke pusat sumber yang penuh dengan ilmu dan maklumat ini.

LIVEWORKSHEETS